

29/03/1997

OIC wajar kotakan kata

PERSIDANGAN Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) di Islamabad, Pakistan yang berakhir kelmarin dihadiri 54 negara anggota diwakili antaranya oleh 11 ketua negara dan enam Perdana Menteri. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memimpin delegasi 11 orang ke persidangan itu. Seperti dalam persidangan lalu, sidang kemuncak di Islamabad itu juga merumuskan perisytiharan.

Perisytiharan itu memperbaharui tekad memenuhi ikrar yang terkandung dalam Perisytiharan Makkah yang diluluskan dalam persidangannya yang terdahulu. Sebagaimana persidangan lalu, perisytiharan kali ini juga berakhir akan menggembelng tenaga umat Islam, saling bekerjasama untuk kesejahteraan hidup ummah. Di samping itu umat Islam juga akan bersatu-padu memperjuangkan kepentingan ummah khususnya membela kesucian al-Quds al-Shariff dan Palestin.

Pendek kata, perisytiharan itu menghuraikan agenda perjuangan dan program tugas serta tanggungjawab yang tiap satunya dimaksudkan untuk membela negara Islam serta ummah yang selama ini menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran amat pahit.

Adakah mungkin segala janji dan ikrar itu terlaksana?

Sejarah OIC tidak menjanjikan pertubuhan itu mampu memenuhi keputusan yang dirumuskan pada setiap persidangannya. Kebanyakan keputusan itu tinggal di atas kertas. Ikrar dan janji tidak terpenuhi.

Sebab utama ialah perpaduan negara Islam masih menjadi impian seperti yang sering dikesalkan oleh pemimpin kita pada masa lalu. Negara Islam masih berpecah-belah. Negara Islam yang kaya mementingkan pembelian senjata untuk mempertahankan diri daripada jiran yang juga negara Islam. Sesetengahnya sanggup menjadi alat kuasa besar.

Jika diteliti secara menyeluruh boleh dikatakan tidak ada sebuah pun pertubuhan yang berupa gabungan negara Islam sama ada di peringkat rantau apa lagi global yang mampu berfungsi dengan berkesan dalam politik antarabangsa.

Satu contoh yang jelas ialah ketidakmampuan negara Islam di Asia Barat mempertahankan kepentingan dan hak umat Palestin. Jangan disebut kemampuan kita membela umat Islam di Afghanistan, Bosnia-Herzegovina, Kashmir, Chechnya atau Myanmar.

Sikap Malaysia sebagaimana yang disuarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam persidangan di Islamabad kelmarin ialah menyeru negara Islam menyingkirkan sengketa sesama sendiri demi memantapkan perpaduan mereka.

Anwar sekali lagi mengulangi seruan yang kita tujukan terhadap negara Islam agar tidak sekadar membuat keputusan yang muluk-muluk. Negara Islam hendaklah bersungguh-sungguh memantapkan perpaduan dan kesatuan.

Memang pada akhir setiap persidangan, negara OIC berikrar akan meningkatkan kerjasama ekonomi dan perdagangan antara sesama mereka. Satu cara yang dirumuskan dalam persidangan itu ialah dengan meningkatkan interaksi di antara sektor swasta serta memperkembang pengaliran pelaburan. Anwar menyarankan agar disusun semula sekretariat pertubuhan itu untuk meningkatkan kecekapannya di samping menganjurkan agar OIC mewujudkan satu mekanisme yang berfungsi menyelesaikan sebarang perselisihan di antara anggotanya.

Dalam ucapannya kepada usahawan Pakistan di Karachi, Anwar secara tidak langsung menyambung gesaannya kepada negara anggota OIC agar meningkatkan

kerjasama ekonomi di rantau masing-masing sebagai cara berkesan mencapai kesejahteraan hidup rakyat mereka.

Anwar menunjuk kepada kerjasama negara Asean di bidang ekonomi dan perdagangan sebagai satu ciri yang berkait rapat dengan perdamaian dan keamanan.

Anwar menegaskan: "Pengalaman kita selama tiga dekad lalu menunjukkan bahawa sebelum pembangunan dapat dicapai kita harus terlebih dahulu menikmati perdamaian dengan negara jiran kita."

Anwar menambah keamanan dan pembangunan serantau tidak dapat dipisahkan. Kestabilan mempunyai kesan yang langsung pada dasar ekonomi. Kekayaan negara yang sepatutnya digunakan untuk membangun infrastruktur seperti membina sekolah, rumah sakit dan jalan raya, terpaksa digunakan untuk membeli senjata demi meningkatkan kekuatan ketenteraan.

Masalah antara tetangga harus diselesaikan melalui dialog, kata Anwar. Kita harus singkirkan sifat taksub, ekstrimis dan kesukuan, katanya sambil menegaskan agama Islam tidak harus dijadikan alasan untuk melakukan kezaliman, untuk menafikan hak rakyat dan mengekalkan diskriminasi ke atas kaum wanita atau kaum minoriti dalam masyarakat ataupun melakukan kekejaman serta mencabul jiwa manusia dan harta benda mereka. Beliau menyatakan transformasi sistem masyarakat daripada sistem pertanian kepada sistem perdagangan dan industri dapat menghakis nilai kesukuan dan persengketaan serantau dan sebaliknya memperkembang nilai persamaan hak dan pertumbuhan masyarakat madani.

(END)